

16 MAY 2001

Tokoh-Anugerah

LIMA TOKOH GURU TERIMA ANUGERAH DARIPADA DR MAHATHIR

MELAKA, 16 Mei (Bernama) -- Lima orang tokoh guru termasuk seorang wanita menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2001 daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan di Dewan Seri Negeri, Air Keroh, di sini malam ini.

Mohamed Saat Bongkek, 61, dari Johor; Abang Hamdan Abang Jas, 59, dari Sarawak; Hajah Siti Aishah Ab. Rahman, 57, dari Kelantan; Sulaiman Samad, 65, dari Negeri Sembilan dan Robert David, 78, dari Pulau Pinang.

Anugerah berkenaan merupakan penghargaan dan pengiktirafan Kementerian Pendidikan terhadap kewibawaan seseorang guru berdasarkan perkhidmatan dan sumbangan guru berkenaan kepada profesion perguruan dengan cemerlang, penglibatan dalam khidmat masyarakat serta kecemerlangan dalam bidang-bidang lain.

Sambutan ke-30 Hari Guru itu bertemakan "Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab bersama" turut memberikan anugerah kepada Gwedeline Entika Joseph, 53, dari Sekolah Kebangsaan Astana, Kuching, Sarawak sebagai Guru Cemerlang Pendidikan Khas 2001.

Mohamed Saat, membabitkan diri dalam bidang perguruan selama 40 tahun pernah berkhidmat di beberapa buah sekolah rendah dan menengah sekitar Batu Pahat, Johor dan jawatan terakhirnya adalah Pengetua Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru dari tahun 1992 hingga 1994.

Beliau yang kini merupakan Ketua Kampung Kempas, Johor Bahru menerima bintang Kesatria Mangku Negara (KMN) pada tahun 1998, pingat Guru Berjasa Batu Pahat pada tahun 1977 dan Tokoh Guru Negeri Johor pada tahun 1999.

Abang Hamdan Abang Jas, dari Miri Sarawak merupakan Tokoh Guru Negeri Sarawak pada tahun 1999 dan jawatan terakhirnya ialah Penolong Penyelia di Jabatan Pendidikan Bahagian, Bahagian Miri setelah berkhidmat selama 38 tahun dalam bidang perguruan.

Sepanjang kariernya, Abang Hamdan banyak menerima anugerah antaranya Anugerah Tokoh Belia - Perak pada tahun 1993, Pingat Perkhidmatan Cemerlang (1995), Bentara Bintang Sarawak (1989) dan Pingat Perkhidmatan Baik (1984).

Siti Aishah, bekas Pegawai Pendidikan Daerah Kota Bharu sejak 1997 dan bersara pada tahun 1999 merupakan Tokoh Guru Negeri Kelantan pada tahun lepas setelah berkhidmat dalam bidang perguruan selama 28 tahun.

Dilahirkan di Kampung Surau Kota, Kota Bharu, beliau memulakan khidmat sebagai guru penolong di Sekolah Menengah Zainab pada tahun 1971 selepas mendapat Diploma Pendidikan dari University of Tasmania, Australia.

Tokoh guru keempat iaitu Sulaiman yang dilahirkan di Kuala Pilah menjadi guru pelatih pada tahun 1953, manakala jawatan terakhirnya sebagai Pengetua Sek Men Keb Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Tokoh Guru Negeri Sembilan pada tahun 1997 itu banyak menerima anugerah kerana jasanya, antaranya Pingat Jasa Kebaktian (1984), Ahli Mangku Negara (1988) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pendidikan pada tahun 1988.

Robert, anak kelahiran Nibong Tebal merupakan Tokoh Guru Negeri Pulau Pinang tahun lepas dan merupakan seorang yang aktif dalam bidang kemasyarakatan.

Memulakan karier perguruan sejak sebelum merdeka iaitu pada tahun 1946 sehingga 1978, pernah terlibat dalam unit pertahanan awam semasa darurat dan menjadi penasihat Mahkamah Juvana dan anggota Lembaga Kebajikan Negeri.

-- BERNAMA

SBS RI

